

**Bahagian VI**  
**PELBAGAI PERKARA**

21. Seseorang yang di mana-mana bahagian Perpustakaan Awam yang ditubuh, diselenggara atau diuruskan oleh Perbadanan :
- a. berkelakuan tidak senonoh; atau
  - b. menggunakan bahasa yang mencaci atau lucah; atau
  - c. bertaruh atau menjudi; atau
  - d. sesiapa, selepas diberi amaran yang sempurna enggan keluar dari perpustakaan selepas masa yang ditetapkan untuk menutup Perpustakaan Awam; adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada tiga ratus ringgit atau dua bulan penjara, dan berkenaan dengan kesalahan yang kedua atau kesalahan yang berikutnya boleh dikenakan denda tidak lebih daripada enam ratus ringgit atau empat bulan penjara.
22. Seseorang pegawai atau pejawat Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 12 boleh menangkap tanpa waran :
- a. Seseorang disyakinya dengan menasabah telah melakukan atau cuba melakukan di hadapannya apa-apa kesalahan terhadap Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
  - b. Seseorang yang dikeluarkan waran ke atasnya di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya masih ada, walaupun waran itu tidak ada dalam miliknya;
- dan hendaklah dengan secepat mungkin mengemukakan atau mengarahkan supaya dikemukakan orang itu menurut peruntukan-peruntukan Kanun Acara Jenayah.
23. Perbadanan boleh dengan kelulusan Menteri Besar membuat Perintah-perintah Tetap yang tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini;
- a. menetapkan acara di mesyuarat Perbadanan;

- b. menetapkan cara-cara bagaimana apa-apa jenis suratan dan apa-apa jenis suratcara boleh ditandatangani atau dilaksanakan bagi pihak Perbadanan;
  - c. menetapkan tanggungjawab dan pengawalan pegawai-pegawai dan pejawat-pejawat Perbadanan;
  - d. menetapkan keadaan-keadaan yang membolehkan pegawai-pegawai dan pejawat-pejawat Perbadanan menerima perbelanjaan perjalanan, elaun sara hidup atau lain-lain elaun dan menetapkan kadar perbelanjaan-perbelanjaan dan elaun-elaun tersebut;
  - e. secara am untuk menjalankan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Perbadanan di bawah peruntukan-peruntukan Enakmen ini.
24. (1) Perbadanan boleh dengan ketetapan yang dibuat di mesyuarat Perbadanan membuat kaedah-kaedah yang perlu dan patut bagi menjalankan maksud-maksud Enakmen ini dengan lebih berkesannya dengan tidak menyentuh keluasan peruntukan yang tersebut di atas membuat kaedah-kaedah bagi :
- a. mengatur keahlian Perpustakaan Awam;
  - b. menetapkan borang permohonan untuk menjadi ahli Perpustakaan Awam;
  - c. memerlukan supaya diberi penjamin atau jaminan oleh seseorang yang menggunakan Perpustakaan Awam;
  - d. membuat peruntukan mengenai penggantungan, pembatalan, penamatatan atau kehilangan kelayakan keahlian Perpustakaan Awam;
  - e. mengatur kegunaan Perpustakaan Awam dan membuat peruntukan bagi melindungi Perpustakaan Awam dan segala yang terdapat di dalamnya daripada kecederaan, kerosakan, atau salahguna;

- f. mengatur bagi senggaraan mutu yang sempurna dan kelakuan ahli-ahli Perpustakaan Awam dan menguruskan pelanggarannya;
- g. memberi kuasa kepada pegawai-pegawai dan pejawat-pejawat Perpustakaan Awam untuk menahan kemasukan atau mengeluarkan orang-orang yang melakukan apa-apa kesalahan terhadap Enakmen ini atau perintah-perintah yang dibuat di bawahnya daripada mana-mana kawasan yang digunakan berhubung dengan Perpustakaan Awam;
- h. mengatur kemasukan kenderaan-kenderaan ke dalam kawasan Perpustakaan Awam dan mengawal lalulintas di dalamnya;
- i. menetapkan penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa;
- j. menetapkan cara-cara bagaimana buku-buku boleh diguna, dirujuk atau dipinjam, dan tanggungan ahli-ahli Perpustakaan Awam apabila buku-buku hilang atau rosak; atau
- k. bagi maksud-maksud lain samada dari jenis yang sama seperti di atas atau tidak yang perlu atau patut di dalam atau berkenaan dengan pengurusan Perpustakaan Awam.

(2) Apa-apa Peraturan yang dibuat di bawah seksyen-kecil (1) tidak boleh berjalan kuatkuasa melainkan disahkan oleh Raja dalam Mesyuarat dan disiarkan dalam *Warta*.